



23 MAR, 2023

Sindiket lombong bitcoin curi elektrik terbongkar

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Sindiket lombong bitcoin curi elektrik terbongkar

SHAH ALAM: Kegiatan sindiket perlombongan bitcoin mencuri bekalan elektrik berjumlah RM240,000 sejak enam bulan lalu di Eco Ardence, Setia Alam di sini, terbongkar selepas digempur pihak berkuasa, semalam.

Dua premis yang menempatkan 90 mesin bitcoin itu dikesan melakukan sambungan haram dan pengubahsuaian meter di

bangunan dua tingkat tersebut.

Tinjauan mendapati, premis kosong di tingkat atas yang berkunci itu turut dilengkapi kamera litar tertutup (CCTV) dan beroperasi 24 jam sehari.

Taktik itu bagaimanapun dihidu Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang bertindak menyerbu premis tersebut, kira-kira pukul

10 pagi semalam.

Pengarah Penguatkuasaan dan Operasi Kawasan ST, Ir. Md. Zakuan Ibrahim berkata, operasi itu dijalankan hasil risikan pihaknya selama tiga bulan mengenai ketiadaan rekod bacaan meter hingga mengakibatkan kerugian kepada penyedia utiliti.

Katanya, pemeriksaan menyeluruh mendapati dua premis

di kawasan itu masing-masing membuat sambungan secara terus dan mengubah suai meter bagi mencuri elektrik.

"Siasatan kemudian menemukan 60 dan 30 mesin bitcoin bagi aktiviti perlombongan yang menggunakan bekalan elektrik berjumlah RM20,000 sebulan bagi setiap premis.

"Semakan lanjut turut men-

dapati satu daripada premis itu pernah dikenakan tindakan daripada TNB pada Mei tahun lalu," katanya ketika ditemui selepas operasi itu.

Kata Md. Zakuan, pihaknya sedang mengesan pemilik premis bagi membantu siasatan dan tindakan lanjut mengikut Seksyen 37 (3) Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447).